

Berlaku adil hukum ibu bapa cuai jaga anak

SARANAN Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat yang mahu mana-mana ibu bapa yang didapati cuai menjaga anak-anak mereka sehingga memudaratkan keselamatannya dikenakan hukuman penjara adalah berasas kerana tugas memastikan anak-anak berada dalam keadaan baik adalah tugas yang terpenting yang dipikul oleh setiap yang bergelar ibu bapa.

Pihak berkuasa juga sudah boleh bertindak demikian memandangkan sudah ada peruntukan undang-undang yang membenarkan hukuman itu dilaksanakan sehingga boleh dihukum penjara dua tahun atau denda tidak lebih RM5,000.

Ibu bapa dianggap cuai jika tidak menyediakan makanan, pakaian, perubatan, perubatan pergigian, tempat tinggal dan jagaan anak yang mencukupi serta menyebabkan kecederaan fizikal dan emosi anak.

Jumlah seramai 303 kanak-kanak hilang dalam tempoh empat bulan pertama tahun ini di seluruh negara jelas mencemaskan sesiapa yang mendengarnya. Itu adalah jumlah yang dilaporkan kepada pihak berkuasa sedangkan mungkin ada juga kes yang tidak dilaporkan kerana menjaga maruah keluarga atau kanak-kanak ditemui semula dalam masa yang singkat.

Kalau ditinjau, memang kehilangan anak di tempat awam adalah kerana kecuai ibu bapa. Anak-anak kecil tidak boleh dipersalahkan kerana mereka tidak faham soal bahaya dan kehilangan.

Bukan sahaja di tempat awam tetapi sekiranya keselamatan anak-anak tidak diutamakan ketika berada di taman permainan, ketika mereka bersendirian ke sekolah atau ke tempat lain, membiarkan mereka menunggang motosikal di bawah umur tanpa lesen dan topi keledar dan sebagainya ibu bapa patut bertanggungjawab.

Bagaimanapun ada kemungkinan masalah ini berlaku disebabkan ibu bapa bercerai menyebabkan anak-anak kurang mendapat perhatian, tekanan hidup, masalah kewangan yang menyebabkan ibu bapa bertungkus-lumus mencukupkan keperluan material sehingga anak-anak terbiar. Jadi wajarlah pihak berkuasa mengambil kira segala kekangan ini untuk memberi keadilan kepada ibu bapa, walaupun mereka sepatutnya bertanggungjawab dalam apa jua keadaan.

- NIK SALIDA SUHAILA
NIK SALEH,
Universiti Sains Islam Malaysia.